



## Perpustakaan universiti bukan hanya lubuk ilmu

MULAI bulan ini, berakhirlah sudah musim panas 2009 di United Kingdom (UK). Pada Ogos lalu, adalah musim cuti persekolahan serta universiti. Ketika ini, tidak ramai yang mengunjungi perpustakaan universiti. Namun, pada saya inilah peluang terbaik untuk melakukan kerja kerana kurangnya gangguan dan kemudahan mencetak serta fotokopi boleh digunakan agak bebas tanpa perlu menunggu giliran.

Minggu ini saya membawa pembaca berkongsi pengalaman mengenai perkhidmatan perpustakaan universiti yang menyediakan ruang amat luas untuk pelajarnya menimba ilmu. Perpustakaan utama Universiti Nottingham Trent yang dikenali sebagai Perpustakaan Boot's misalnya menyediakan bahagian yang dibuka 24 jam, tujuh hari seminggu kepada penggunanya.

Dengan akses lif khas ke tingkat empat bangunan (buku di tingkat satu hingga tiga dengan akses terhad), pelajar boleh ke ruang berkenaan yang dilengkapi lebih 200 komputer untuk membuat sebarang tugas sama ada berkaitan akademik, hanya membaca dan membiasa e-mel atau ada yang datang hanya untuk menonton video dan sebagainya.

Ruangan ini hanya ditutup selama beberapa hari pada sambutan Krismas sehingga selesai cuti awal tahun setiap tahun. Kemudahan ini sesungguhnya bermanfaat kepada pelajar, selain memberi ruang pembelajaran lebih luas tanpa mengenal batas masa, ia juga secara tidak langsung menjadikan perpustakaan sebagai antara tempat utama tumpuan pelajar.

Semua kegiatan sama ada akademik dan bukan akademik boleh dibuat di perpustakaan. Pendek kata, perpustakaan ini ibarat 'rumah kedua' semua pelajarnya. Ada antara kami yang sibuk pada siang hari, tetapi mempunyai masa suntuk untuk menyiapkan kerja, boleh terus berada di perpustakaan dari jam 10 malam hingga keesokan harinya untuk menyiapkan tugas.

Tiada had masa perlu difikirkan pelajar kerana semuanya ada di perpustakaan. Perkhidmatan 24 jam di tingkat empat ini, bagaimanapun tidak disokong dengan khidmat bantuan oleh pustakawan. Pusta-

kawan hanya bekerja sehingga jam 9 atau 10 malam seperti dinyatakan dalam 'waktu buka dan tutup' perpustakaan yang berbeza-beza mengikut musim.

Waktu tutup perpustakaan selalunya dipanjangkan ke jam 12 malam pada musim peperiksaan dan ditutup lebih awal pada musim sejuk. Namun, hal ini tidak menjelaskan keperluan pelajar yang mungkin perlu melaksanakan tugasan sepanjang malam di perpustakaan.

Hampir semua tugasan boleh beres, walaupun di luar waktu bekerja kerana mesin memulang, meminjam dan memperbaharui pinjaman buku, mesin pencetak, mesin salinan, perkhidmatan internet, mesin tambahan wang untuk mencetak dan membuat salinan fotokopi disediakan dan boleh beroperasi sendiri oleh pelajar di luar waktu bekerja perpustakaan.

Jika berlaku kerosakan pada mesin pencetak tertentu, masih ada beberapa mesin lain yang berdekatan. Selain itu, ruangan 24 jam ini terbuka kepada semua pelajarnya dengan keperluan mengakses kad pelajar untuk masuk ke perpustakaan.

Dari segi ini, keselamatan agak terjamin kerana boleh dikatakan masyarakat umum, selain pelajar tidak boleh memasuki ruang ini jika di luar waktu perpustakaan dibuka kerana ia memerlukan kad pelajar.

Selain itu, juga perlu ditekankan di sini bahawa perpustakaan ini dibuka kepada umum seperti perpustakaan awam dan tidak terhad kepada pelajar universiti saja. Namun, hal ini membawa implikasi berbeza-beza.

Aspek positifnya ialah memberi lebih ruang kepada masyarakat umum untuk mendapat pilihan bahan bacaan yang banyak, selain yang ada di perpustakaan awam, tetapi dari sudut gelapnya pula, ia memberi ruang kepada segelintir individu yang berniat jahat untuk masuk ke perpustakaan dan membuat bising serta kadang-kala mencuri dompet serta barang berharga pelajar.

Malah saya sendiri pernah kecurian dompet dan barang berharga suatu ketika dulu di perpustakaan. Sungguhpun perpustakaan ini dilengkapi kemudahan CCTV yang banyak, ada sesetengah tempat bacaan yang tidak dilengkapi kemudahan ini. Hal ini sudah dikaji oleh si pencuri dan pastinya dia cepat mengambil peluang bagi yang kurang berasih baik.

Menyedari kesan negatif inilah, maka pihak universiti baru-baru ini menukar polisi terhadap akses ruang komputer 24 jam yang hanya boleh dimasuki pelajar yang mempunyai kad pelajar sah. Berbanding polisi sebelum ini yang lebih terbuka dengan hanya perlu mengisi borang 'Lawatan sehari pelawat' dan hampir setiap masa, bahagian ini boleh dikunjungi golongan bukan pelajar universiti.

Corak penggunaan perpustakaan sama ada bersifat terbuka, untuk sebarang jenis tujuan atau dihadkan kepada tujuan akademik saja sebenarnya masih dihadkan di kalangan sarjana sains perpustakaan di Barat.

Ada sarjana yang liberal melihat peluang dibuka sebagai satu ruang ilmu yang tidak terbatas. Namun kerana sikap salah guna segelintir pelajar, ada pandangan terhadap keperluan membataskan penggunaan perpustakaan universiti kepada tujuan yang lebih dekat dengan matlamat penubuhan universiti itu sendiri, iaitu keperluan dan pencapaian akademik.

Sungguhpun debat ini masih berlarutan, kebanyakan universiti di UK masih melihat fungsi perpustakaan universiti dalam konteks yang luas, tidak terbatas dan belum ada keperluan membataskan tujuan penggunaannya untuk keperluan akademik semata-mata.

Penulis ialah pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang melanjutkan pelajaran peringkat Doktor Falsafah dalam bidang kewartawanan di Nottingham Trent University, United Kingdom

**Aspek positifnya ialah memberi lebih ruang kepada masyarakat umum untuk mendapat pilihan bahan bacaan yang banyak, selain yang ada di perpustakaan awam, tetapi dari sudut gelapnya pula, ia memberi ruang kepada segelintir individu yang berniat jahat untuk masuk ke perpustakaan dan membuat bising serta kadang-kala mencuri dompet serta barang berharga pelajar.**  
**Malah saya sendiri pernah kecurian dompet dan barang berharga suatu ketika dulu di perpustakaan. Sungguhpun perpustakaan ini dilengkapi kemudahan CCTV yang banyak, ada sesetengah tempat bacaan yang tidak dilengkapi kemudahan ini"**